

Karnival Mega Wanita mantapkan mahasiswa UMS

UB 8.6.2017 A23

EXCO Kebajikan dan Hel-wi, Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) Kolej Kediaman Tun Mustapha (KKTm) Universiti Ma-laysia Sabah (UMS) telah menganjurkan Program Karnival Mega Wanita

sempena Hari Terbuka Kolej itu, baru-baru ini.

Ia merupakan salah satu program yang dikhushuskan untuk mahasiswa UMS. Pelbagai acara diadakan seperti Pertandingan Unduk Ngadau KKTm 2017,

Make-up Challenge, Mary kay Tutorial dan Praktikal, Cake's Decoration dan Dirimu Begitu Bermakna.

Program itu diadakan selama tiga hari berturut-turut di dewan kolej berkenaan. Program merupakan pendedahan informasi dan ilmu pengetahuan dalam isu tertentu seperti adat resam, isu-isu semasa penjagaan kesihatan dan penampilan diri mahasiswa.

Program juga telah mendapat tajaan dari Mary Kay, Laser Tag 1B, My Bowl

1B, Cinta Rose Perfume, CFC, Mijo Beauty, Im4U, Kitareka, KK Leisure dan Aleeyan Enterprise.

Hari pertama Karni-val Mega Wanita dimulai dengan Make-up Challenge dan Mary Kay Tutorial and Practical di Mini Karisma KKTm. Ia bertujuan menambah ilmu pengetahuan dan memberi keberanian untuk menyerlahkan lagi bakat yang mahasiswa miliki.

Secara tidak langsung, program juga dapat mera-



PARA peserta bergambar bersama kek yang sudah dihias.

patkan lagi hubungan silaturrahim antara mahasiswa Kolej Kediaman Tun Mustapha.

Pada hari kedua Program Karnival Mega Wanita, satu slot pemeriksaan kesihatan dan derma darah yang bertemakan 'Dirimu Begitu Bermakna' dijalankan.

Slot itu adalah kolaborasi dengan mahasiswa Tahun Akhir Program Doktor Perubatan dan Pusat Rawatan Warga UMS. Kesempatan itu diambil oleh mahasiswa untuk mengikuti pemerik-

saan kesihatan termasuklah pemeriksaan tekanan darah dan pemeriksaan mata.

Terdapat juga demonstrasi untuk melakukan Cardiopulmonary Resuscitation (CPR) kepada para pengunjung. Sesi pendermaan darah juga disertai ramai mahasiswa dan termasuklah pengetua KKTm.

Turut berlangsung ketika itu adalah Pertandingan Cake's Decoration di mana setiap kumpulan yang menyertai pertandingan itu perlu menunjukkan kreativiti masing-masing dan

tema adalah bebas.

Hari terakhir pula menyaksikan Pertandingan Unduk Ngadau KKTm 2017 yang telah ditaja oleh Mary Kay. Sambutan hangat oleh penghuni KKTm apabila dewan KKTm telah dipenuhi hampir 700 orang. Pertandingan itu juga sempena sambutan Pesta Kaamatan 2017.

Program Karnival Mega Wanita KKTm 2017 telah ditutup oleh Kol (PA) Dr Mohamad Nizam Nazarudin selaku pengetua KKTm.



PERTANDINGAN menghias kek.

DERMA darah turut diadakan.